



PROF. DR.
MUHD
KAMIL
IBRAHIM
(Mki)

Mki diangkat Muhd Kamil Ibrahim. Kini beliau bertugas sebagai Profesor Perakaunan di Unikl Business School, Kuala Lumpur. Mki boleh dihubungi melalui mkamil@unikl.edu.my

Uni KL
UNIVERSITI KUALA LUMPUR

Mencari Ilmu Sepanjang Hayat

Di sekeliling masjid Nabawi terdapat tong berisi air. Ramai berpusu-pusu mengambil air di situ. Ada yang mengambil gelas plastik, mengisi air dan minum lalu beredar pergi. Ada pula yang membawa botol mineral kosong, mengisi hingga penuh dan mengisi lagi sehingga beberapa botol. Barangkali mereka mahu minum di hotel atau ingin membawa pulang ke Tanah Air usai menunaikan umrah atau haji.

Saya memerhatikan keadaan. Lalu jika ada di kalangan mereka jemaah Malaysia – InshaAllah – saya peluk dan berkata:

Haji ... mohon maaf haji. Air ini boleh diminum. Cuma, jika haji memikirkan yang ia air zamzam, ia tidak begitu. Ia boleh diminum. Jika mahu air zamzam ia ada di dalam masjid. Jika mahu dengan kuantiti yang banyak, pergilah ke pagar nombor lapan. Beraturlah selepas Asar di sana

Bagaimana reaksi mereka? Pertama, ada yang memandang saya dan terus berkata, "memang saya tahu air ini bukan zamzam. Sengaja saya mahu minum dan buat bekal di hotel". Cepat-cepat mereka meninggalkan tempat tersebut.

Kedua, kumpulan yang spontan memberi jawapan balas, "Ya Allah haji ... terima kasih kerana maklumkan kepada saya. Mati-mati saya ingat ini air zamzam. Sudah banyak saya ambil untuk dibawa pulang ke Malaysia". Benar, mereka mengiakan apa sahaja yang telah saya nyatakan.

Ketiga, mereka mengucapkan terima kasih, tersenyum dan beredar pergi. Saya fikir mereka masih belum mempercayai seratus peratus maklumat yang mereka terima dan akan melakukan sedikit semakan silang dengan beberapa orang yang lain.

Begitulah ... ilmu sekecil itu hanya dimiliki oleh mereka yang mengetahui. Jemaah haji dan umrah – terutamanya mereka yang hadir buat pertama kali – perlu memerhati, bertanya dan berfikir sebelum mempercayai dan meyakini untuk melakukan sesuatu.

Menyimpan air mineral dengan kepercayaan ia air zamzam tidak membawa sebarang kemudaratan. Ia tidak pula merosakkan tubuh badan mereka sendiri. Ia tidak mustahak pun.

Namun beramal ibadat secara khusus tidak begitu. Beramal memerlukan ilmu. Ilmu diperolehi pelbagai cara. Datangnya boleh melalui mata, hidung, telinga, mulut dan pelbagai lagi. Lalu berilmu dan mengamalkan ilmu merupakan fasa bertingkat-tingkat.


Ilmu di dada akhirnya akan dipersoalkan satu persatu sama ada ia bermanfaat atau dibiarkan berlalu begitu sahaja.

Mereka yang menggunakan ilmu dengan cermat, menyampaikan dan menghindari berpandukan suruhan dan tegahanNya adalah golongan bijaksana. Jika tidak, termasuklah kita di kalangan mereka yang mengzalimi diri sendiri.

Lalu di sini muncul akal. Akal digunakan untuk memimba berilmu. Aka juga berguna memilih-milih di antara ilmu bermanfaat dengan yang tidak. Fungsi akal inilah yang membezakan di antara manusia dengan haiwan malah ia juga menampilkan kecerdikan atau kedunguan di antara manusia dengan manusia yang lain.

Allah memberikan hikmah kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakinya (menurut aturan yang ditentukannya) barang siapa yang diberikan hikmah itu maka sesungguhnya dia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal yang sihat.

(Terjemahan surah al-Baqarah, ayat 269).



Bayangkan bagaimana mereka yang berilmu mengetahui bagaimana solat berjemaah itu memberi ganjaran 27x lebih baik daripada solat bersendirian. Malah kepentingannya disebut-sebut dengan amaran "rumah akan dibakar" sehinggalah kepada membuat mereka sebagai golongan "munafik".

Belum tentu ilmu semudahi ini dapat dicerna dengan baik oleh akal. Mereka tidak dapat membuat pilihan tepat. Dan ramai yang begitu. Sungguh ... ramainya bak kelkatu yang muncul selepas hujan serik di kala senja. Ia muncul bersama kegelapan malam.

Perhatikan juga bagaimana wanita yang cukup dimuliakan – begitu tinggi sekali – oleh Islam memilih untuk menerima ilmu tetapi menyanggahnya pada keadaan tertentu mengikut kesukaan mereka.

Berapa ramai yang ada ilmu di dada tetapi menutup aurat melambangkan kemuliaan diri berbeza dengan mereka yang berbogel di sisi Allah SWT. Namun pilihan tanpa panduan akal kelihatan jelas.

Ilmu hanya digunakan ketika mengadap Dia semata-mata. Ia seketika, benar-benar seketika berbanding dengan keseluruhan kehidupan yang itupun tidak seberapa masanya.

Manusia berada dalam zon lagha. Ia tidak terlalu pelik dengan segala tipuan dunia yang mempesonakan. Akal sebagai satu alat untuk memikirkan tentang ilmu yang mahu dimaikalkan gagal berfungsi dengan baik.

Akhirnya, kelihatan sama sahaja mereka yang berakal dengan yang tidak berakal jika mereka tidak mahu berfikir. Malah ada yang petah berkata-kata dengan ilmu di dada tetapi amalnya sangat jelik sekali. Lihat kedudukan mereka di sisi Allah SWT.

Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebajikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab (Taurat), tidakkah kamu memikirkannya?

(Terjemahan surah al-Baqarah, ayat 44)

Malah kemurkaanNya terhitung pada

hari akhirat nanti. Mahukah kita mengadap Dia ketika ada rasa benci yang sudah dinyatakan sebagai amaran demi amaran di atas kebodohan tidak mahu menggunakan akal dengan cermat?

Diam-diam – setiap daripada kita – perlu merenung jauh ke dalam hati sanubari, melihat masa yang telah ditinggalkan dan memerhati sisa masa berbaki.

Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya! Amat besar Kebenciannya di sisi Allah kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.

(Terjemahan surah as-Saff, ayat 2-3).

Benar, kita memerlukan rahmat Allah SWT. Biar Dia jentik hati dan perasaan lalu akal berfungsi dengan fitrahNya, beramal dan mendekati diri kepadaNya. Besok, manusia tidak kesusahan di hari akhirat.

Kami mohon keampunaMu ya Allah. **z**